

12 NOV 1997

Zahid-Bantahan

PEMUDA DAN WANITA BN HANTAR NOTA BANTAHAN ESOK

KUALA LUMPUR, 12 Nov (Bernama) -- Pemuda dan Wanita Barisan Nasional (BN) akan berarak ke Kedutaan Amerika Syarikat esok untuk menyerakan nota bantahan kepada dutanya, berikutan tindakan Amerika Syarikat yang ingin menyiasat Petronas kerana mengadakan hubungan dagangan dengan Iran.

"Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah meminta kita untuk meneruskan tugas itu," kata Ketua Pemuda BN Datuk Zahid Hamidi semasa menghadiri majlis Jamuan Muhibbah sempena Perayaan Deepavali anjuran Pemuda dan Wanita MIC Kebangsaan di Ibu pejabat MIC di sini hari ini.

Pegawai penyiasat dari Amerika Syarikat itu dijadualkan tiba pada 18 Nov ini bagi memulakan siasatan terhadap Petronas. Petronas bersama-sama dengan Total SA dari Perancis dan Gazprom dari Rusia mengadakan usaha sama bernilai AS\$2 bilion (RM6.4 bilion) bagi membangunkan sebahagian daripada medan gas South Pars di Iran.

Dua syarikat lagi yang dikatakan terbabit ialah Bow Valley dari Kanada dan Kumpulan Bakrie dari Indonesia.

Beliau turut meminta semua anggota BN untuk memberikan sokongan padu kepada Dr Mahathir bagi meneruskan perjuangan memajukan negara.

Sementara itu, Ketua Wanita BN Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata, negara tidak memerlukan kuasa asing untuk menguruskan ekonomi dan politiknya.

Wanita BN sentiasa berada di belakang Pemuda BN dalam apa juga keadaan bagi menegakkan kebenaran dan menjamin kekuatan parti, kata Dr Siti Zaharah.

"Kalau kita bersatu, kita teguh dan tidak mungkin lemah, tetapi kalau kita bercerai, kita akan roboh," katanya.

Hadir pada majlis itu ialah Setiausaha Agung MIC, Tan Sri K.S Nijhar selaku wakil Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu, Ketua Pemuda MIC M Muthiah, Ketua Wanita MIC Puan Sri Sarasa Pasamanickam, Ketua Pemuda MCA Datuk Chan Kong Choy, Ketua Wanita MCA Datuk Teng Gaik Kwan dan wakil parti-parti komponen BN. --BERNAMA

APG RI